



Nicol cipta rekod dunia

» Muncul pemain nombor satu dunia yang bertahan selama 106 bulan, atasi pencapaian Susan Devoy pada 1993

Kuala Lumpur
Ratu skuasy negara, Datuk Nicol David mencipta rekod dunia apabila dapat bertahan selama 106 bulan sebagai pemain nombor satu dunia dalam senarai terbaharu Persatuan Squasy Wanita (WSA).
 Pemain berusia 31 tahun dan berasal dari Pulau Pinang ini menjadi pemain nombor satu dunia sejak Januari 2006.
 Dia mengatasi rekod milik Susan Devoy dari New Zealand yang mene-

gangnya selama 105 bulan sejak Februari 1993. Wanita berkenaan adalah bekas juara dunia empat kali dan juara terbuka British lapan kali.
 Menurut laman web www.squashsite.co.uk, Nicol memungut sebanyak 3,446 mata sementara pemain Mesir, Raneem El Welily selaku pemain nombor dua dunia menghimpun 2,580 mata, diikuti pemain dari England, Laura Massaro dengan 2,145 mata.
Atlet terhebat
 Rekod pencapaian itu diumumkan

pada Kejujanan JP Morgan Tournament of Champions di New York bulan lalu.
 Pada majlis itu Pengerusi Kejujanan, John Nimick bersama Pengarahnya, Beth Rasin menyerahkan sebuah poster ditandatangani semua pemain dunia lain kepada Nicol.
 "Pencapaian Nicol ini melelekkannya dalam kalangan atlet terhebat dalam sejarah. Sesungguhnya beliau meningkatkan taraf sukan kita," kata Ketua Eksekutif WSA, Tommy Berden.
 Bulan ini turut menyakikan Nicol mengekalkan ranking kejujuran hingga 103 bulan sejak Ogos 2006, 45 bulan mengatasi Devoy.
 "Untuk menjadi pemain nombor satu dunia adalah unik dan memerlukan persembahan luar biasa, tetapi untuk memegang tangga teratas selama 106 bulan adalah menakjubkan," kata Berden lagi.
 Dalam pada itu, Nicol berkata: "Menjadi nombor satu memerlukan kerja keras. Bagi saya, ia berkaitan bermain dalam kejujuran, yang lain adalah bonus."
BERNAMA

BIODATA

Datuk Nicol Ann David

- **Tarikh dan Tempat Lahir:** 26 Ogos 1983 / Pulau Pinang
- **Nama ibu bapa:** Ann Marie David dan Desmond David
- **Adik beradik:** Lianne dan Cheryl
- **Tinggi:** 1.63 meter
- **Berat:** 50 kilogram (kg)
- **Bermain:** tangan kanan
- **Jurualatih:** Liz Irving
- **Nama raket:** Prince
- **Acara sukan:** Skuasy
- **Gelaran:** 78
- **Subjek kegemaran:** Matematik
- **Pendidikan:** Sekolah Kebangsaan Convent, Green Lane, Pulau Pinang; Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Green Lane, Pulau Pinang (PMR-7A, SPM-7A)
- **Antara pencapaian:** Kejujanan Berspasukan Dunia - Pingat perak Niagara On the Lake, Kanada - 2014 - Pingat gangsa Nimes, Perancis - 2012 - Pingat gangsa Palmerston North, New Zealand - 2010 - Pingat gangsa Kaherah, Mesir - 2008 - Pingat gangsa Edmonton, Alberta, Kanada - 2006

Mula bermain usia 5 tahun

Kuala Lumpur: Datuk Nicol Ann David mula berkecimpung dalam sukan skuasy ketika berusia lima tahun.
 Dan pada usia lapan tahun, dia mula menjalani latihan di Pusat Squasy Bukit Dambur, Pulau Pinang.
 Bakatnya mula dikesan oleh jurualatih, Ee Phoe Hoon yang kemudian meyakinkannya untuk mewakili negeri kelahirannya itu bersama adik beradiknya, Lianne dan Cheryl.

Pada tahun 1992, nama Nicol mula menjadi sebutan apabila berjaya memenangi pingat perak pada Kejujanan Remaja Pulau Pinang Bawah 14 tahun.

Terus melangkah
 Pada tahun sama, dia terus mencipta nama apabila meraih kejayaan sulung di peringkat kebangsaan apabila perak pada Kejujanan Antara Negeri Remaja Kebangsaan Milo-Dunlop Sport Bawah-16.
 Dua tahun kemudian, Nicol dipilih menyertai pasukan skuasy Pulau Pinang untuk temasya Sukan Malaysia di Perak dan meraih pingat emas dalam acara pasukan walaupun jatuh sakit ketika itu.
 Selepas itu, dia meraih dua gelaran antarabangsa pertamanya, iaitu Kejujanan Hong Kong Bawah-13 dan Terbuka Junior Scotland Bawah-12. Selepas itu, dia tidak menoleh lagi dalam usaha untuk menjadi pemain utama dunia dalam sukan skuasy dan sekali gus mengharumkan nama Malaysia.

INFO

RANKING WANITA DUNIA (FEBRUARI 2015)

- 1- NICOL DAVID (MAS)
- 2- Raneem El Welily (EGY)
- 3- Laura Massaro (ENG)
- 4- Nour El Sherbini (EGY)
- 5- Alison Waters (ENG)
- 6- Nour El Tayeb (EGY)
- 7- Camille Serme (FRA)
- 8- Low Wee Wern (MAS)
- 9- Omneya Abdel Kawy (EGY)
- 10- Amanda Sobhy (USA)
- 11- Annie Au (HKG)
- 12- Rachael Grinham (AUS)
- 13- Dipika Pallikal (IND)
- 14- Madeline Perry (IRL)
- 15- Emma Beddoes (ENG)
- 16- Sarah-Jane Perry (IRL)
- 17- Jimmy Duncalf (ENG)
- 18- Nouran Gohar (EGY)
- 19- Sarah Kippax (ENG)
- 20- Nicolette Fernandes (GUY)



Nimick (kanan) dan Rasin bersama Nicol di New York.

PM ucap tahniah kepada Nicol

Kuala Lumpur: Perdana Menteri mengucapkan tahniah kepada Datuk Nicol David atas kejayaan mengekalkan status sebagai pemain nombor satu dunia selama 106 bulan.
 Menerusi laman Twitternya, Datuk Seri najib Razak menulis "Tahniah kpd ratu skuasy negara Datuk @NicolDavid yg mencipta rekod dunia baru 106 bulan di ranking pertama WSA! #RatuSkuasy #QueenofSquash".

Sukan Komarwei

- Pingat emas perseorangan di Glasgow, Scotland 2014
- Pingat emas perseorangan di Delhi, India 2010
- Pingat perak beregu campuran di Manchester, England 2002
- Pingat gangsa beregu campuran di Delhi, India 2010

Sukan Asia

- Pingat emas perseorangan di Incheon, Korea Selatan - 2014
- Pingat emas berpasukan di Guangzhou, China - 2010
- Pingat emas berpasukan di Guangzhou, China - 2010
- Pingat emas perseorangan di Doha, Qatar - 2006
- Pingat emas perseorangan di Bangkok, Thailand - 1998
- Pingat perak perseorangan di Busan, Korea Selatan - 2002

Kejujanan Dunia

- Pingat emas perseorangan di Cali, Colombia 2013
- Pingat emas perseorangan di Kashiua, Taiwan 2009
- Pingat emas perseorangan di Dussburg, Jerman 2005



Cabar Ivory Coast

HARIAN METRO (M/S 62) 3 FEBRUARI 2015

■ Harimau Malaya uji gergasi Afrika 28 Mac ini

Oleh Aziman Rosdi
aziman@hmetro.com.my
Putrajaya

Harimau Malaya bakal mengharungi ujian pertama tahun ini apabila dijangka menentang skuad Piala Dunia, Ivory Coast dalam aksi persahabatan antarabangsa pada 28 Mac di laman sendiri.

Hingga kini Persekutuan Bolasepak Ivory Coast (FIF) masih belum memberi kata putus mengenai perlawanan itu, namun pengendali negara Dollah Salleh amat berharap rancangan itu akan berjalan seperti yang diatur.

"Kemungkinan besar Harimau Malaya akan mengadakan perlawanan dengan Ivory Coast hujung Mac ini, tapi kita belum mendapat pengesahan lagi. Kita kini berusaha mendapatkan kepastian dalam masa terdekat. Perlawanan ini akan di-

adakan di sini, namun gelanggang belum ditentukan lagi," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran skuad Liga Super Polis Diraja Malaysia (PDRM) semalam.

Dollah membimbing skuad juara Liga Perdana 2014 itu sebelum dilantik sebagai jurulatih Harimau Malaya oleh Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) pada 1 Julai lalu menggantikan Datuk K Rajagobal yang tamat kontrak pada Disember 2013.

Jika rancangan membawa Ivory Coast ke sini berjaya, ini aksi pertama skuad kebangsaan menentang skuad gergasi dari Afrika itu yang menyertai Piala Dunia 2006, 2010 dan 2014 serta dibarisi ramai bintang seperti Didier Drogha, Yaya Toure, Gervi-

nho dan Wilfried Bony.

Ini lawan cukup hebat buat Harimau Malaya berdepan skuad The Elephants bimbingan Herve Renard yang kini menduduki ranking ke-28 dunia selepas kali terakhir Malaysia, ranking ke-154 dunia menentang lawan mempunyai ranking 100 ke bawah adalah Australia pada 2011 di Canberra dengan keputusan tewas 0-5.

"Ia bukan perlawanan mudah, tapi sekurang-kurangnya ia satu cabaran untuk kita, saya percaya walaupun masa singkat dan pemain yang akan dipanggil nanti belum tahu tahap kemampuan mereka, tapi saya akan cuba memilih pemain terbaik," jelas Dollah yang mencongak persiapan terbaik sebelum kelayakan Pia-

la Dunia Jun depan.

Sejak muncul naib juara Piala AFF Disember tahun lalu, pengendali berusia 51 tahun itu belfum mengadakan sebarang latihan skuad kebangsaan serta aksi persahabatan kerana mahu menilai pemain yang bakal dipanggil.

Dollah mengakui cabaran lebih berat buatnya untuk membentuk pasukan khususnya mencari penyerang terbaik dengan format baru empat pemain import dibenarkan beraksi dalam setiap perlawanan berbanding tiga sebelum ini.

"Memang sukar terutama bahagian serangan kerana kebanyakan pasukan akan menggunakan dua pemain import. Saya percaya pemain tempatan akan memberikan saingan juga. Saya akan pastikan membuat pilihan pemain yang tepat.

FAKTA
Skuad The Elephants ranking ke-28 dunia

Oleh Ferzalfie Fauzi
ferzalfie@hmetro.com.my

Percepat perbicaraan Chong Wei: Khairy

HARIAN METRO (M/S. 60.)

3 FEBRUARI 2015

Kuala Lumpur: Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin Abu Bakar menasihatkan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) mempercepat panel pendengaran doping membabitkan Datuk Lee Chong Wei.

Ia diakui sendiri Timbalan Presiden Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria ketika bertemu Khairy pada Majlis Penyampaian Hadiah Kopiko Purple League di Sports Arena Sentosa kelmarin.

"Menteri memberitahu saya agar mempercepatkan perbicaraan ini dan saya menerima

pandangannya," katanya.

Bagaimanapun, Norza memberitahu setakat ini belum ada tarikh dan tempat muktamad di mana perbicaraan itu dilangsungkan.

"Saya setuju dengan pendapatnya, perkara ini tidak boleh dibiarkan terlalu lama kerana selepas ini pelbagai kejohanan besar berlangsung.

"Chong Wei sudah terlepas aksi Seluruh England 2015.

Kita harap Siri Super Premier Terbuka Malaysia 2015 dia boleh bertanding," katanya.

Norza berkata, selain beberapa kejohanan utama, perbicaraan itu harus segera diadakan kerana bermula Mei, semua pemain akan berlumba-lumba mengumpul mata melayakkan diri ke Sukan Olimpik 2016 Rio.

Maklumat terbaru sebelum ini menyatakan Panel Perbicaraan Doping Perse-

kutuan Badminton Antarabangsa (BWF) itu akan diadakan minggu depan.

Ikon badminton negara itu didapati positif menggunakan bahan terlarang dexametason ketika beraksi di Kejohanan Dunia 2014 Copenhagen.

Chong Wei minggu lalu memberitahu BBC dia mungkin bersara andai dikenakan hukuman gantung dua tahun.



TMJ mahu FAM dengar luahan penyokong

3 FEBRUARI 2015

Oleh SHAHRIL NIZAM ABDULLAH

shahrilnizam@kosmo.com.my

KOSMO (M/S. 63)

PERSATUAN Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ) menyelar tindakan protes segelintir penyokong fanatik yang mempamerkan kain rentang (tifo) manusia berkepala anjing yang ditujukan kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) pada aksi Piala Sumbangsih di antara Johor Darul Takzim (Johor DT) dan Pahang di Stadium Tan Sri Haji Hassan Yunus, Larkin, Johor Bahru, Sabtu lalu.

Presidennya, Tunku Ismail Sultan Ibrahim (gambar) memberitahu, sebarang tindakan yang berkaitan dengan budaya hooligan serta melanggar adab tatasusila masyarakat Malaysia tidak patut dipraktikkan di negara ini meskipun terdapat jurang rasa tidak puas hati di antara mana-mana pihak dalam arena bola sepak negara.

"Saya tidak menyokong budaya hooligan dan tidak setuju dengan tindakan protes sebegini yang ditujukan kepada FAM. Saya (juga) tidak menyokong sebarang salah

laku yang dilakukan oleh para penyokong bola sepak di mana jua di seluruh negara.

"Kepada seluruh penyokong bola sepak tanah air, lebih baik kita bersatu dan bekerja keras untuk memajukan bola sepak Malaysia daripada bergaduh dan bertelagah sesama sendiri," jelas Tunku Ismail dalam entri terbaharunya di laman sosial Facebook Johor Southern Tigers semalam.



Pada perlawanan pembukaan tirai Liga Malaysia 2015 itu, tifo manusia berkepala anjing dengan lambang FAM tersebut telah mencetuskan rasa kurang senang peminat sukan tanah air berhubung sikap kurang

ajar penyokong Johor DT yang dikatakan marah terhadap kegagalan badan induk bola sepak negara tersebut mentadbir bola sepak Malaysia selain keputusan berat sebelah dalam beberapa isu yang berkaitan dengan kelab juara bertahan Liga Super berkenaan.

Tunku Ismail yang juga merupakan penasihat kepada Presiden FAM, Tengku Abdullah Sultan Ah-

mad Shah bagaimanapun mengakui bahawa baginda memahami tujuan sebenar penyokong berkenaan dan mahu badan sukan bola sepak negara itu mendengar luahan hati para penyokong yang mahu melihat sukan bola sepak Malaysia berkembang maju pada masa hadapan.

"Namun (begitu), ia tidak bermakna saya tidak memahami protes para penyokong bola sepak Malaysia yang tidak berpuas hati dengan cara FAM mentadbir sukan bola sepak di negara ini.

"Saya tidak menyalahkan Presiden. Saya menyalahkan organisasi. Saya menyalahkan ahli-ahli jawatankuasa dan ahli-ahli gabungan yang tidak bersatu dan bersuara menegur kesilapan yang dilakukan oleh badan induk pentadbir bola sepak itu.

"Saya bersifat berkecuali, saya menegakkan kebenaran, saya mengutamakan integriti, saya menyokong profesionalisme, saya mahukan ketelusan dan kejujuran.

"Saya berdoa supaya suatu hari nanti, badan pentadbir bola sepak negara ini akan mengabulkan hajat para penyokong. Bola sepak adalah milik rakyat. FAM juga milik rakyat," tegasnya.

Janji KPL musim kedua lebih menarik

SINAR HARIAN (M/S.54..)

3 FEBRUARI 2015

MOHD FAHMI ISMAIL

SAINGAN Badminton Kopiko Purple League (KPL) yang berlangsung November lalu melabuhkan tirainya kelmarin dengan menyaksikan Kelab Badminton Muar City muncul pemenang edisi pertama musim ini.

Kejayaan penganjuran KPL melegakan hati pengasas MPL (M) Sdn Bhd, Datuk Jack Koh yang yakin kejohanan seumpama ini menghasilkan impak besar kepada pembangunan sukan tersebut di negara ini.

Begitu pun, Jack memberitahu, banyak cabaran perlu dihadapi pihaknya dan menjanjikan saingan KPL musim kedua akan bertambah baik dan lebih menarik untuk disaksikan.

"Sejak pengumuman penubuhan liga profesional pada April tahun lalu, kita akhirnya berjaya sampai di peringkat kemuncaknya.

"Terdapat banyak rintangan untuk diatasi dan kita mengambil setiap cabaran dengan tenang sepanjang pertandingan berlangsung. Untuk masa akan datang, saya bertekad saingan KPL musim seterusnya lebih segar dan melakukan penambahbai-



Khairy (tiga, kiri) bersama juara KPL, Muar City pada majlis penutup di Sports Arena Sentosa, Kuala Lumpur, kelmarin.

kan," katanya pada Majlis Penutup KPL di Sports Arena Sentosa, Kuala Lumpur, kelmarin.

Turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan jaguh badminton negara, Datuk Lee Chong Wei.

Jack juga mengucapkan terima kasih kepada pihak media cetak dan elektronik yang memberi liputan penuh sepanjang kejohanan.

Kini, lapan pasukan teratas liga, Muar City, Petaling Jaya, Puchong United, Kepong,

Petaling, Ampang Jaya, Cheras dan Serdang bakal berentap di pusingan kalah mati bagi merebut Cabaran Juara-Juara bertempat di Arena of Stars, Genting Highland, bermula Khamis ini.

Antara bintang bertaraf dunia ba-

kal berentap adalah Lee Yong Dae, Lee Hyun Il, Tan Wee Kiong, Goh V Shem, Jan O Jorgensen, Kenichi Tago, Markis Kido, Tan Boon Heong, Chong Wei Feng, Nyuyen Thien Minh, Sony Dwi Kuncoro, Tai Tzu Ying dan Aya Ohori.

Subahan Kamal presiden baharu MHC

UTUSAN MALAYSIA (M/S 28)

3 FEBRUARI 2015

Oleh SUFIAN HADI MOHD. SOJAK

sukan@utusan.com.my

KUALA LUMPUR - Seperti diduga, Datuk Seri Subahan Kamal muncul presiden baharu Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) tanpa perlu bertanding selepas menjadi calon tunggal bagi pemilihan penggal 2015-2018 yang ditutup pencalonannya, semalam.

Subahan menggantikan Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang memegang jawatan tertinggi itu sejak 2008, sebelum menyuarakan hasrat untuk melepaskan jawatan pada tahun lalu.

Subahan yang juga Presiden Persatuan Hoki Selangor (SHA) pernah menyandang jawatan Naib Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) bagi penggal 2010-2013.

Setiausaha Agung MHC, Datuk Johari Abdul Aziz mengesahkan tiada pertandingan bagi jawatan tertinggi badan induk hoki negara itu dalam mesyuarat pemilihan 13 Februari ini kerana hanya satu pencalonan diterima.

"Beliau satu-satunya calon yang mengisi kerusi Presiden MHC selepas pencalonan bagi pemilihan pemimpin tertinggi MHC kali ini ditutup hari ini (semalam)," kata Johari kepada Utusan Malaysia semalam.

Pada Ogos tahun lalu, Tengku Abdullah membuat keputusan mengejut dengan mengumumkan untuk tidak mempertahankan kerusi Presiden MHC dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) badan induk itu sekali gus membuka laluan buat individu lain mengisi kekosongan tersebut.

Beliau yang dipilih memegang kerusi panas itu daripada Tan Sri Anwar Mohamed Nor pada 2008 berjaya menguruskan MHC dengan baik sepanjang dua penggal menadbir badan berkenaan.

"Bukan mudah untuk mengisi



SUBAHAN KAMAL

kekosongan yang ditinggalkan oleh Tengku Abdullah. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli gabungan yang mencalonkan nama saya sebagai Presiden," kata Subahan.

Johari berpendapat, Subahan adalah calon sesuai untuk memimpin MHC kerana selain membuktikannya menerusi pembangunan hoki di Selangor, beliau juga aktif dalam sukan lain.

"Beliau (Subahan) sudah lama berkecimpung dalam bidang sukan. Selain memegang jawatan di Selangor, beliau juga merupakan pengurus pasukan Harimau Malaya tahun 2010 (juara Piala AFF ketika itu) serta bekas Naib Presiden FAM.

"Pengalaman beliau agak luas dalam bidang sukan. Kami percaya, dengan pilihannya untuk menerajui MHC, saya rasa Subahan dapat membangunkan sukan hoki di negara ini," katanya.

Sementara itu, bagi jawatan Timbalan Presiden pula bakal menyaksikan pertembungan dua penjujur menerusi Naib Presiden Kanan MHC, Datuk Nur Azmi Ahmad yang akan mencabar kedudukan Puan Sri Raja Noora Ashikin Raja Abdullah yang berhasrat mempertahankan kedudukannya.